



HELEN



AMALINA

## KESUMBA anjur webinar edisi khas Hari Malaysia

Oleh Yap Siong Han

UB 19.09.2021 P. 03

**KOTA KINABALU:** Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) mengadakan webinar bertajuk 'Peranan Wanita di Era Pandemik COVID-19' sempena Hari Malaysia.

Yang di-Pertua KESUMBA Datin Dr. Amalina Abdullah berkata, program selama dua jam itu antara lain bertujuan untuk memperkasa peranan wanita dalam cabaran pandemik COVID-19 melalui penghayatan erti kemerdekaan yang disambut rakyat Malaysia pada 16 September 2021.

"Perkongsian ilmu disampaikan perunding Pakar Obstetrik & Ginekologi merangkap Pengarah Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS), Profesor Dr. Helen Benedict Lasi-mbang.

"Ia disertai seramai 100 peserta dari dalam dan luar UMS," katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Sementara dalam webinar itu, Helen membicarakan pelbagai isu wanita, termasuk penjagaan kesihatan mental dan psikososial.

Beliau mengetengahkan panduan-panduan dalam mengenal pasti emosi diri, membina kecekalan mental dan panduan mengawal

stres.

"Kita melihat sebilangan besar petugas kesihatan dan anggota barisan hadapan di UMS terdiri daripada golongan wanita yang bertungkus-lumus membantu memerangi COVID-19.

"Peranan mereka tidak ternilai dalam memelihara kesejahteraan psikososial, mental dan fizikal rakyat serta pada masa yang sama turut mengalami stres, ke-bimbangan apabila bekerja tanpa henti, risiko dijangkiti keletihan fizikal selain pengasingan keluarga," katanya.

Helen turut menyeru semua wanita agar dapat momohon bantuan sokongan keluarga dan rakan sekiranya menghadapi sebarang masalah apabila berdepan cabaran pandemik.

"Pihak kerajaan serta pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) turut berperanan membantu golongan wanita apabila terjejas akibat COVID-19," katanya.

Webinar edisi khas anjuran Biro Pendidikan dan Pelajaran KESUMBA itu disiarkan secara langsung dalam talian melalui aplikasi Webex dan facebook KESUMBA UMS.

Turut ditayangkan video pemenang tempat pertama pertandingan mencipta video bertemakan Erti Kemerdekaan 2021.